



MOHD FUAD (kanan) menerima anugerah PBB daripada Dr Joan Clos, di Mexico baru-baru ini.

Terowong SMART dapat anugerah antarabangsa

KUALA LUMPUR: Terowong SMART menerima penghargaan dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa apabila menerima anugerah "Habitat Scroll of Honour Award 2011" sempena sambutan Hari Habitat Sedunia atas keberkesanannya menyelesaikan masalah banjir dan lalu lintas di sekitar bandar raya.

Anugerah yang disifatkan paling berprestij bagi Malaysia itu disampaikan oleh Pengarah Eksekutif UN-Habita Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Dr Joan Clos kepada Ketua Pegawai Operasi Terowong SMART, Mohd Fuad Kamal Ariffin pada majlis sambutan yang

berlangsung di Aguascalientes, Mexico pada 3 Oktober lalu.

Setiap tahun Hari Habitat Sedunia disambut pada hari Isnin pertama dalam bulan Oktober di mana perhatian dunia akan dibawa mengenai perlunya perhatian terhadap perubahan pesat dunia. Ia juga sebagai penghargaan kepada institusi yang memainkan peranan penting dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat di pusat bandar di seluruh dunia.

Persidangan yang berlangsung selama dua hari itu mengumpulkan ramai wakil dari serata dunia untuk turut berkongsi pendapat dan juga maklumat mengenai perkara

yang diutarakan.

Mohd Fuad selaku wakil dari Malaysia turut berkongsi pengalaman dengan delegasi negara lain dalam satu pembentangan mengenai operasi Terowong SMART.

Joan berkata pemilihan SMART memenuhi ciri diberikan perhatian oleh UN-Habitat untuk tahun ini iaitu mengenai kesan pertumbuhan bandar terhadap iklim dan kesan gangguan perubahan bandar serta apa tindakan bagi menangani isu ini.

Lima negara lain yang turut menerima "Habitat Scroll of Honour Award 2011" adalah Australia, Cuba, Namibia, Russia dan Amerika Syarikat.